

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 ( 49 )

20 Ogos 2018  
8 Zulhijjah1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 44/2018

### PENILAIAN PRESTASI STAF SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) TAHUN 2018 (e-LPPT / e-LNPT)

Dimaklumkan bahawa penilaian prestasi staf secara *online* tahun 2018 bagi staf akademik (e-LPPT) dan staf pengurusan profesional dan pelaksana (e-LNPT) akan dilaksanakan mengikut Jadual sepertimana di Lampiran. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi tahunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan, semua staf hendaklah mematuhi jadual yang telah ditetapkan seperti di Lampiran.

2. Setiap tahun, bilangan kemasukan data yang amat tinggi pada penghujung tahun telah menyukarkan proses pengesahan data. Oleh yang demikian, semua staf adalah diminta mengambil tindakan segera untuk memasukkan semua data lebih awal bagi melancarkan proses semakan dan pengesahan data. **Mohon ambil perhatian kepada staf akademik, tarikh akhir kemasukan data penerbitan bagi Januari hingga November 2018 adalah pada 30 November 2018. Hanya artikel yang diterbitkan dalam bulan Disember sahaja boleh dimasukkan selepas 30 November 2018 dan akan diterima untuk pengesahan pada bulan Januari 2019.**

3. Setiap staf termasuk yang tidak memilih Sistem Saran Malaysia (SSM) adalah diwajibkan dan bertanggungjawab untuk mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT / e-LNPT. Mohon ambil perhatian bahawa semua staf (yang layak) adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT / e-LNPT. Tindakan akan dikenakan kepada mana-mana Pegawai Yang Dinilai (PYD) atau Pegawai Penilai yang gagal melengkapkan/menyselesaikan penilaian yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang ditetapkan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah :

- a) Tindakan Tatatertib kerana ingkar perintah;
- b) Tiada Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)\*;

- c) Tidak layak menerima sebarang anugerah pada tahun semasa (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang);
- d) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf kontrak);
- e) Ditangguhkan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*) (bagi staf kontrak).\*

\* Bagi Pegawai Penilai, ditangguhkan sehingga penilaian selesai dibuat selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/2016 bertarikh 27 Januari 2016.


4. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan pengurusan penilaian prestasi dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bagi membolehkan urusan perkhidmatan yang lain seperti kenaikan gaji tahunan, penganugerahan perkhidmatan cemerlang, kenaikan pangkat, pengesahan dalam perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

5. Tempoh masa pelaksanaan sebagaimana dalam jadual yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling ini adalah muktamad dan **sebarang rayuan bagi pelanjutan tempoh pelaksanaan tidak akan dipertimbangkan**.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftaran

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan-Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

LAMPIRAN

JADUAL PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2018

TARIKH	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
<b>2 September 2018 hingga 30 September 2018</b>	<b>Tempoh akhir pengemaskinian klasifikasi dan kelayakan PYD/Pegawai Penilai (PPP/PPK)</b>	<b>PSM PTJ</b>
<b>1 Oktober 2018 hingga 29 November 2018</b>	a) Pemakluman klasifikasi dan pelantikan Pegawai Penilai kepada PYD/PPP/PPK (termasuk urusan pindaan klasifikasi) b) Penentuan PPC bagi CIS	<b>PSM PTJ</b>
<b>1 Januari 2018 hingga 30 November 2018</b>	<b>Tempoh kemasukan maklumat penerbitan Januari – November 2018 (eLPPT)</b>  <i>* Hanya artikel yang diterbitkan dalam bulan Disember sahaja boleh dimasukkan selepas 30 November dan akan diterima untuk pengesahan bulan Januari 2019</i>	<b>PYD (eLPPT)</b>
<b>1 Disember 2018 hingga 16 Disember 2018 (2 minggu)</b>	<b>Tempoh akhir penilaian kendiri PYD bagi CIS</b>	<b>PYD (eLNPT)</b>
<b>17 Disember 2018 hingga 31 Disember 2018 (2 minggu)</b>	<b>Tempoh pengesahan akhir penilaian terhadap tahap kompetensi PYD bagi CIS</b>	<b>PPC (eLNPT)</b>
<b>1 Disember 2018 hingga 31 Disember 2018</b>	<b>Tempoh akhir pengemaskinian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan pencapaian kerja sebenar tahunan (Sasaran Kerja Tahunan (SKT)/Key Amal Indicator (KAI)) secara online</b>  <i>Nota: Sebarang rayuan daripada PYD selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.</i>	<b>SEMUA PYD</b>
<b>1 Disember 2018 hingga 6 Januari 2019 (5 minggu)</b>	a) <b>Tempoh pengesahan akhir maklumat penerbitan, webometrik dan projek komuniti (eLPPT)</b> b) Penilaian dan pengisian markah 360° oleh PPR dan PPS (eLNPT 360°)	<b>PSZ HEK CCIN PPR/PPS</b>

TARIKH	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
7 Januari 2019 hingga 20 Januari 2019 (2 minggu)	a) Tempoh pengesahan akhir maklumat dan penilaian Pegawai Penilai Pertama b) Pemakluman/perbincangan markah bersama PYD c) Pengesahan/ rayuan/ semakan semula markah <i>Nota: Bagi eLPPT, tempoh akhir bagi PPP mengesahkan rekod 7P</i>	PPP
21 Januari 2019 hingga 3 Februari 2019 (2 minggu)	Tempoh Penilaian Pegawai Penilai Kedua	PPK
4 Februari 2019 hingga 10 Februari 2019 (1 minggu)	Semakan Urus setia dan PSM PTJ	Urus setia PSM PTJ
11 Februari 2019 hingga 24 Februari 2019 (2 minggu)	a) Mesyuarat PPSM PTJ b) Penyediaan dan penghantaran maklumat untuk PPSM Universiti	PSM PTJ
25 Februari 2019 hingga 10 Mac 2019 (2 minggu)	Mesyuarat PPSM Universiti	Urus setia

**Nota :**

- PYD : Pegawai Yang Dinilai  
 PPP : Pegawai Penilai Pertama  
 PPK : Pegawai Penilai Kedua  
 PPC : Pegawai Penilai Kompetensi  
 PPR : Pegawai Penilai Rakan Sekerja  
 PPS : Pegawai Penilai Subordinat  
 PSM : Pengurusan Sumber Manusia  
 PTJ : Pusat Tanggungjawab  
 PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia  
 PSZ : Perpustakaan UTM  
 HEK : Pejabat Hal Ehwal Korporat  
 CCIN : Pusat Jaringan Komuniti Industri  
 CIS : Indeks Kompetensi Staf